

18 JANUARI 2018

Lama lelaki termasuk empat warga India dihukum mati

Lima lelaki termasuk empat warga India dihukum mati

SHAH ALAM - Mahkamah Tinggi di sini semalam menjatuhkan hukuman mati ke atas lima lelaki termasuk empat warga India selepas didapati bersalah terhadap dua pertuduhan mengedar dadah seberat 5.8 kilogram (kg) lima tahun lalu.

Hakim Datuk Ghazali Cha menjatuhkan hukuman itu ke atas tertuduh lelaki tempatan, A. Sargunan, 42, dan empat warga India terbabit, Sumesh Sudhakaran, 30; Alex Aby Jacob Alexander, 37; Renjith Raveendran, 28; dan Sajith Sadanandan, 29; selepas berpuas hati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

Mengikut pertuduhan, kelima-lima tertuduh ber-

sama-sama didakwa mengedar dadah jenis syabu seberat 4.3kg dan ketamin seberat 1.5kg di sebuah rumah di Jalan Sungai Lalang, Semenyih pada pukul 9 pagi, 26 Julai 2013.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum mengikut Seksyen 39B (2) akta sama yang memperuntukkan hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Deepa Nair Thevaran sementara Sargunan diwakili peguam, Datuk N. Sivananthan dan Low Huey Theng manakala empat warga India terbabit diwakili peguam, Jayarubbiny Jayaraj.